

Pertandingan Mereka Cipta Video Pendek Sempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia

Tema-Tema Utama

- "Keterangkuman" dan "Kemampuan"
- Pengukuhan Integrasi ASEAN
- Visi Malaysia untuk ASEAN: Aman, stabil dan makmur
- ASEAN Menuju Visi Komuniti ASEAN 2045: Berdaya Tahan, Inovatif, Dinamik dan Berpaksikan Rakyat
- 6 Nilai Teras MADANI: Kemampuan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan
- Maklumat lanjut berkenaan Kepengerusian ASEAN, layari <https://myasean2025.my/>

Syarat-Syarat Penyertaan

- Terbuka kepada semua pelajar berdaftar disemua peringkat pengajian dan kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Tiada had umur dan kewarganegaraan
- Video pendek mestilah berdurasi kurang dari 2 minit.
- Format: definisi tinggi dengan format MP4 atau yang berkaitan. Aspek nisbah 16:9 dengan resolusi minima HD (1080 x 1920 px)
- Gaya: Bebas, seperti dokumentari, naratif (berskrip), animasi dan drama pendek.
- Video hendaklah berbahasa Melayu dan diselitkan terjemahan dalam Bahasa Inggeris
- Setiap video pendek perlu mempunyai tajuk utama dengan tema-tema berkaitan, dan mempunyai sinopsis ringkas tidak melebihi 150 patah perkataan.
- Setiap peserta boleh menghantar lebih dari satu video penyertaan.

Ingin Menyertai Pertandingan Ini?

Video pendek perlu diserahkan menerusi emel ke andikawahab@ukm.edu.my dan nira@ukm.edu.my selewat-lewatnya 1 Ogos 2025 (Jumaat).

Emel dengan subjek: "Video Pendek Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia"

Nota*: Jika menghantar pautan, pastikan ia boleh diakses.

Nota**: Nyatakan nama penuh, nombor kad pelajar, emel dan nombor telefon yang boleh dihubungi, serta alamat penuh.

Pertanyaan Lanjut

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Dr Andika Ab.Wahab (andikawahab@ukm.edu.my) atau Dr Norinah Mohd Alia (nira@ukm.edu.my), atau menghubungi talian 03-8921 3782

Hadiah

- Pemenang: RM1,500 (hanya seorang pemenang)
- Saguhati: RM300 (tiga orang penerima saguhati)
- Semua peserta akan menerima sijil penyertaan.

Seorang Pemenang dan tiga penerima saguhati akan dijemput menghadiri "The 7th ASEAN Economic Integration Forum (AEIF)" bagi menerima hadiah sempena Hari ASEAN yang akan disambut pada 8 Ogos 2025 bertempat di Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Kuala Lumpur.

Pemenang dan tiga penerima saguhati akan diumumkan tiga hari selepas tarikh tutup penyertaan secara emel.

Hak Penganjur

Video yang dihasilkan oleh pemenang akan menjadi hak eksklusif Penganjur untuk tujuan pendidikan dan promosi Kepengerusian ASEAN 2025. Penganjur berhak untuk mengubah / melanjutkan tarikh pertandingan atau membatalkan pertandingan sekiranya berlaku perkara diluar jangka. Keputusan Penganjur adalah muktamad.

